

08 APR 2003

Parlimen-Lulus

DEWAN RAKYAT LULUS USUL PERSEMPADANAN BAHAGIAN PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Dewan Rakyat hari ini meluluskan dua usul mengenai laporan kajian semula dan persempadanan bahagian pilihan raya bagi semua negeri kecuali Sarawak yang dibentangkan secara serentak.

Lebih separuh daripada 41 anggota pembangkang, bagaimanapun ke luar dewan sebelum undian dilakukan sebagai tanda protes terhadap pembentangan usul itu.

Undian belah bahagian diteruskan bagi kedua-dua usul berkenaan dengan 144 anggota Parlimen yang hadir menyokong usul berkenaan yang mengesyorkan tambahan 25 kerusi Parlimen dan 63 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail mengumumkan keputusan berkenaan selepas undian dijalankan mengikut Peraturan Mesyuarat 46(5) setelah ia dibahaskan selama dua hari.

Kedua-dua usul berkenaan perlu mendapat persetujuan lebih daripada 50 peratus daripada jumlah keseluruhan 193 anggota parlimen.

Usul yang dibentangkan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bertujuan membolehkan Dewan Rakyat membuat ketetapan mengikut Seksyen 10 Jadual Ke-13 Perlembagaan Persekutuan bagi menguatkuasakan syor-syor yang diedarkan pada 3 April bersama Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bertarikh 10 Mac lepas mengenai persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri di Semenanjung dan Sabah.

Sepanjang dua hari perbahasan, anggota parlimen pembangkang telah menyatakan secara jelas tidak menyokong usul berkenaan atas alasan pembentangannya dilakukan kerajaan secara tergesa-gesa dan kajian persempadanan dan pertambahan kerusi pilihan raya itu tidak adil kerana lebih menguntungkan Barisan Nasional (BN).

Usaha anggota pembangkang untuk mendapatkan penjelasan juga tidak tercapai apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim enggan memberi laluan untuk mereka mencelah, hingga menyebabkan suasana dewan "agak panas" dan kecoh.

Jawapan Dr Rais yang diselang-selikan dengan kata kiasan dan pantun menghangatkan anggota pembangkang menyebabkan suasana dewan riuh dengan pekikan di antara anggota penyokong kerajaan dan pembangkang.

Dewan Rakyat pada suatu ketika bertukar seakan-akan sebuah mahkamah yang sedang mendengar satu perbicaraan kes besar apabila Dr Rais dan anggota pembangkang antaranya Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka); Husam Musa (PAS-Kubang Kerian), Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (PAS-Kuala Terengganu) dan Abdul Fatah Harun (PAS-Rantau Panjang) menyerahkan dokumen kepada Mohamed Zahir.

Mohamed Zahir beberapa kali meminta supaya mereka bertenang dan bersabar, dan akhirnya membuat teguran dan menasihatkan setiap anggota Parlimen supaya mendengar dengan sabar hujah penggulungan yang dikemukakan Dr Rais.

"Yang Berhormat, jikalau begini (keadaan kecoh berterusan) saya terpaksa menanggungkan mesyuarat," katanya, tetapi masih tidak diendahkan anggota Parlimen, khususnya pembangkang yang tidak berpuashati.

Mohamed Zahir, setelah dapat mententeramkan keadaan, menegur para anggota Parlimen supaya lebih bersopan dan mematuhi Peraturan Mesyuarat.

"Dalam Parlimen ini cukuplah sekiranya kita tidak bersetuju dengan (apa) orang lain kata dan cara seseorang itu menjawab, ada yang tidak bersetuju ada yang menyokong, kita mestilah menerima keadaan, bertoleransi

antara satu sama lain.

"Kita mestilah menjalankan tugas kita sebagai anggota Parlimen. Sekiranya datang ke sini hendak bergaduh, tidak eloklah.. orang lain melihat kita," katanya, sambil mengingatkan anggota media yang membuat liputan persidangan itu supaya tidak memperbesar-besarkan kekecohan yang berlaku.

Dr Rais dalam jawapannya kepada beberapa persoalan yang dibangkitkan dalam perbahasan yang disertai 22 anggota dan 24 anggota lain yang mencelah, berkata SPR sebagai badan yang bertanggungjawab mengendalikan soal pilihan raya adalah bebas dan melakukan setiap tindakan berdasarkan kuasa yang ada padanya.

Mengenai kajian semula dan laporan persempadanan bahagian pilihan raya, beliau berkata SPR telah membuat kajian dengan teliti serta memberi peluang yang saksama kepada semua pihak untuk membuat rayuan dan bantahan.

"SPR menjalankan tugasnya (melakukan kajian semula dan membuat syor-syor persempadanan bahagian pilihan raya) berdasarkan kepada Jadual Ke-13 Perlembagaan Persekutuan," katanya.

SPR juga dalam laporannya telah memberikan kriteria-kriteria yang digunakan bagi syor-syor persempadanan bahagian pilihan raya serta hasil kajian berkenaan.

Kepada pertanyaan Datuk Dr Hassan Ali (PAS-Parit Buntar) sama ada benarkah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah campurtangan dan tidak bersetuju dengan syor SPR supaya kerusi pilihan raya turut ditambah di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu yang majoriti penduduknya adalah Melayu, Dr Rais berkata tuduhan itu tidak benar sama sekali.

Apabila laporan kajian semula dan syor persempadanan itu dikemukakan SPR, Perdana Menteri sekalipun tidak boleh mengubah barang satu perkataan dalam laporan berkenaan.

Sementara itu, Dr Hassan yang turut keluar dewan tanda protes, berkata beliau dan anggota pembangkang lain tidak berpuashati dengan jawapan Dr Rais tentang usul itu.

Dr Rais tidak menjawab kepada soalan-soalan yang dikemukakan anggota pembangkang semasa perbahasan usul sebaliknya beliau lebih banyak berpantun.

"Perkara walkout (protes keluar) ini bukan satu perkara kecil. Kita walkout kerana kita tidak berpuashati dengan jawapan menteri. Kalau dilihat kepada jawapan, beliau tidak menjawab (kepada soalan yang dikemukakan) tetapi berpantun sejak daripada awal hingga akhir...

"Kita buat penyelidikan malah kita ada panel membantu membuat penyelidikan tentang apa yang kita bahaskan dalam dewan. Adalah tidak adil bagi menteri yang mewakili Perdana Menteri memberi jawapan seperti ini," katanya yang juga Naib Presiden PAS di lobi Parlimen.

Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) pula berkata cara Dr Rais menjawab menunjukkan beliau tidak serius terhadap persoalan mengenai satu isu yang sangat penting dan beberapa perkara yang diminta penjelasan dalam perbahasan tidak langsung dijawab Dr Rais.

"Anda lihat kami protes keluar setiap hari ke? tidak, tetapi ada masanya kami perlu lakukan, ia bukan persoalan menang atau kalah...tetapi yang penting kita mahukan keadilan," katanya.

Persidangan Dewan disambung esok.

-- BERNAMA

ERE HS RON